



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 6 NOVEMBER 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	KEBIMBANGAN KURANG BEKALAN MAKANAN TAK BERASAS – ISMAIL SABRI, ONLINE, BERITA HARIAN PROGRAM PEMBANGUNAN PERTANIAN DIPERKASA, ULANG TAHUN SULTAN PERAK, BERITA HARIAN -6	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
3.	NAFAS PEMBORONG TUNGGAL IBPS, ONLINE, SINAR HARIAN	PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS)
4.	'KAMI MALU TERIMA TETAMU..', DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA -30	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
5. 6. 7. 8. 9.	BELANJAWAN 2021 PALING DINANTIKAN, NEGARA, KOSMO -2 ANIMAL MALAYSIA TAWAR RM2,000, BURU PEMBUNUH KUCING, NEGARA, KOSMO -13 SUNGAI KELANTAN KERUH JEJAS REZEKI NELAYAN, JAGA SUNGAI KITA, BERITA HARIAN -28 SALURKAN TERUS BENIH PADA PESAWAH, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA -4 KEMBALIKAN SEMULA SUBSIDI ENJIN, LESEN UNTUK NELAYAN, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA -5	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/11/2020	BERITA HARIAN	ONLINE	

KEBIMBANGAN KURANG BEKALAN MAKANAN TAK BERASAS - ISMAIL SABRI



KUALA LUMPUR: Kerajaan menjamin bekalan makanan di negara ini mencukupi meskipun pekerja asing yang bekerja dalam industri pengeluaran makanan masih tidak dibenarkan masuk ke Malaysia.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata kebimbangan terhadap kekurangan bekalan makanan dalam tempoh COVID-19 tidak berasas.

Ini kerana, Ismail Sabri berkata, beliau sentiasa mendapatkan pandangan daripada Kementerian Pertanian dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

"Setiap kami mendengar pembentangan daripada kementerian terbabit, kita mendapati bekalan makanan adalah mencukupi dan masih mudah diperolehi rakyat tempatan.

"Oleh itu, rakyat tidak perlu bimbang dengan perkara ini," katanya dalam sidang akhbar keselamatan COVID-19, hari ini.

Ismail Sabri berkata, pekerja asing sama ada untuk sektor pengeluaran makanan atau pembinaan masih tidak dibenarkan masuk ke dalam negara.

Katanya, hanya dua golongan pekerja asing yang dibenarkan untuk masuk hari ini, iaitu membabitkan pengurusan tertinggi syarikat yang melabur dalam negara serta kumpulan pakar yang tidak diperolehi di Malaysia.

"Sebagai contoh, pakar membaiki kapal selam yang tiada di Malaysia. Dia dibenarkan masuk dan selepas dua tiga hari menjalankan kerja dia akan keluar dari Malaysia," katanya.

Program pembangunan pertanian diperkasa

Perak tumpu rangsang semula ekonomi menerusi sektor asas tani

Oleh Muhammad Zulysamini
Suffian Suri
bhnews@bh.com.my

Ipo: Kepentingan sekuriti makanan negara seperti yang ditekankan menerusi titah Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah disahut Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (PPPNP) dengan pelbagai langkah pemerkasaan dan program pembangunan pertanian serta usahawan tani di negeri ini.

Ketua Pegawai Eksekutif PPPNP, Yahanis Yahya, berkata ia juga selari dengan hasrat Menteri Besar Perak, Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu untuk membuka lebih banyak peluang keusahawanan tani terutama bagi membantu rakyat yang hilang pekerjaan susulan pandemik COVID-19.

Katanya, penumpuan diberi terhadap langkah merangsang kembali ekonomi negeri melalui bidang pertanian dan asas tani pasca Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dengan kerjasama rakan strategik PPPNP serta usahawan tani.

Beliau berkata, ia antara lain adalah serampang dua mata iaitu mengurangkan kos impot makanan negara berjumlah lebih RM50 billion setahun.

"Antaranya adalah projek Pembangunan Lembah Pertanian Integrasi Lenggong berkeluasan 1,982 hektar iaitu satu daripada projek sekuriti makanan Perak, akan dibangunkan secara skim *contract farming* (ladang kontrak) kepada peserta.

"Ia membolehkan aktiviti penternakan, pertanian, durian, tanaman kontan dan tanaman makanan separa kekal yang lain seperti nanas dan pisang dengan menyasarkan 1,400 peluang pekerjaan dan keusahawanan bakal diwujudkan dalam tempoh lima tahun," katanya.

Yahanis berkata, selain itu pelbagai projek lain juga sudah dimulakan antaranya Ladang Sejahtera Sungai Rul berkeluasan 200 hektar membolehkan projek pembangunan usahawan penternakan ayam kampung, program tanaman nanas secara komersial

di Kampung Gajah, Lambor dan Lekir.

"Bagi membantu graduan (yang menganggur), kita juga menawarkan program Ladang Usahawan Graduan Senggang, selain menggiatkan usaha membantu asnaf yang berminat dalam keusahawanan pertanian dengan pemberian geran mikro melalui Program Usahawan Asnaf Berjaya (PUAB).

"Langkah menggalakkan program pertanian bandar atau *urban farming* bagi merangsang ekonomi melalui bidang pertanian komuniti atau komersial juga sudah dimulakan, melalui usaha membangunkan tanah terbiar milik kerajaan negeri atau agensi di bawahnya," katanya.

Katanya lagi, PPPNP terus komited membela nasib petani dan pekebun kecil di negeri ini, dengan memberikan 'talian hayat' khususnya dalam tempoh PKP yang bermula Mac lalu, seperti dengan membeli lambakan hasil keluaran mereka yang tidak terjual iaitu di bawah program Skim Agroprihatin.

Yahanis berkata, sebanyak RM24 juta dibelanjakan melalui skim itu untuk membantu petani yang terjejas dengan matlamat utamanya adalah membantu petani daripada mengalami kerugian teruk, sekali gus memastikan hasil pengeluaran mereka terus dimanfaatkan.

"Ja (hasil pengeluaran) disalurkan kepada rakyat yang memerlukan serta petugas barisan hadapan, di samping disalurkan kepada pasaran baharu," katanya.

Beliau berkata, usahawan da-



Ahmad Faizal (tiga dari kiri) menyerahkan surat tawaran bajakan kepada Koperasi FELDA Gunung Besar II, 23 Jan 4, Nara-katu.mj

lam bidang penternakan lembu juga dibantu melalui peruntukan sebanyak RM2.8 juta khusus bagi membantu mereka yang terkesan akibat kekangan menganjurkan ibadat korban ketika sambutan Aidiladha pada Julai lalu.

"PPPNP tidak terkecuali melaksanakan moratorium atau penangguhan bayaran sewa dan pajakan kepada penyewa serta pemajak tanah PPPNP bermula dari Mac hingga Julai 2020 bagi meringankan beban petani selain membantu golongan memerlukan.

"Sebagai tanda prihatin, PPPNP juga menyumbangkan RM200,000 kepada Tabung Bencana Negeri Perak. Pemotongan elau turut dibuat oleh Ahli Lembaga Pengarah PPPNP, termasuk Menteri Besar selaku Pengerusi di mana sumbangan yang berjaya dikumpulkan adalah RM260,000," katanya.

Dalam pada itu beliau berkata, program pemudahan tanah milik PPPNP yang diusahakan secara tidak sah tidak sesekali, bertujuan merampas tanah diusahakan petani kecil di negeri ini.

Beliau berkata, sebaliknya ia bagi membantu mereka meneruskan aktiviti pertanian secara sah seperti yang dihasratkan Ahmad Faizal, terutama bagi membolehkan mereka mendapat akses kepada pelbagai bantuan daripada agensi kerajaan.



Lawatan Kerja Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee ke Perak Agrotourism Resort (PATRO).

"Ia meliputi pinjaman mudah daripada PPPNP (yang mana juga) berdasarkan keperluan dan kelayakan (mereka)," katanya.

Katanya lagi, lebih 228 hektar tanah berjaya menjalani proses pemutihan bagi tahun 2020 setakat ini, dengan proses terbabit masih giat dijalankan melalui pencarian peneroka yang mengusahakan tanah PPPNP secara

ra tidak sah.

"Sepanjang tahun 2019, PPPNP berjaya melaksanakan pemutihan tanah seluas 1,165 hektar, di susuli hampir 400 hektar pada tahun 2020.

"Justeru, PPPNP menyeru kepada peneroka yang terbabit untuk tampil berbincang bagi bersama-sama membangunkan sektor pertanian negeri Perak," katanya.

Beliau berkata, program pemutihan itu turut memberi keadilan kepada kerajaan serta agensi negeri terutama dari sudut hasil sewaan dan pajakan yang berpa tatan sementara nasib petani kecil juga lebih terbela.

"Sebagai contoh, ada dalam kalangan mereka yang mengusahakan tanah ini untuk pertanian dan penternakan membayar harga sewaan jauh lebih tinggi kerana harga yang PPPNP kenakan di bawah skim sewaan atau pejakan," katanya.

Langkah menggalakkan program pertanian bandar atau urban farming bagi merangsang ekonomi melalui bidang pertanian komuniti atau komersial juga sudah dimulakan, melalui usaha membangunkan tanah terbiar milik kerajaan negeri atau agensi di bawahnya

Yahanis Yahya,
Ketua Pegawai Eksekutif
Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/11/2020	SINAR HARIAN	ONLINE	

NAFAS PEMBORONG TUNGGAL IBPS



KUALA LUMPUR - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan melantik Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) sebagai pemborong tunggal melalui program Insentif Benih Padi Sah (IBPS) dengan pembekalan diedarkan terus kepada pesawah.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, pelantikan Nafas tersebut antara inisiatif pihak kementerian yang akan dilaksanakan bermula tahun depan bagi menangani isu pengedaran benih padi sah.

Menurutnya, ia suatu kaedah penyelesaian terbaik dan bersepadu kerana Nafas mempunyai kecekapan rantaian pengedaran benih padi sah melibatkan 148 Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) di Semenanjung.

"Pada masa sama, Nafas akan memberi ruang kepada ejen, individu atau syarikat sedia ada yang berdaftar dengan pihak kementerian untuk mengedarkan benih padi.

"Nafas juga mempunyai sumber kewangan yang kukuh serta kemampuan dan pengalaman dalam pengedaran Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP) di seluruh negara.

"Pelantikan Nafas juga membolehkan penetapan harga siling benih padi sah dilaksanakan tanpa melibatkan tambahan peruntukan insentif, sekaligus mengelak manipulasi benih padi sah dan harga di lapangan menerusi pembelian tanpa kawalan," katanya.

Beliau berkata demikian di Dewan Rakyat ketika menjawab soalan lisan Datuk Seri Mahdzir Khalid (Padang Terap-UMNO).

Mengulas lanjut katanya, antara inisiatif lain ialah pemberian lesen dan permit kepada ejen, individu atau syarikat yang berdaftar dengan kerajaan untuk mengedarkan benih padi sah.

Selain itu ujarnya, penetapan beberapa varieti benih padi yang akan dihasilkan oleh syarikat pengeluar benih padi sah untuk dipilih oleh pesawah serta menyediakan stok penimbal bagi menangani isu krisis seumpama itu.

6/11/2020

UTUSAN

DALAM

30

MALAYSIA

NEGERI

'Kami malu terima tetamu...'

Oleh SHAMSUL

KAMAL AMARUDDIN

utusannews@mediamula.com.my

LUMUT: "Kalau boleh, saya mengelak terima tetamu di rumah kerana bimbang mereka tidak selesa dihurung lalat."

Itu kata Saharuddin Abdul Manaf, 49, penduduk di Kampung Tersusun Batu 7 Lekir dekat sini yang menghadapi masalah lalat.

Masalah dipercayai berpunca daripada ternakan ayam dalam ladang kelapa sawit yang terletak tidak jauh dari kampung tersebut.

Saharuddin yang sudah lima tahun menetap di penempatan itu berkata, sepanjang tempoh tersebut juga dia terpaksa menjalani kehidupan bertemankan ribuan ekor lalat yang turut 'menghuni' kampung berkenaan.

Dia difahamkan masalah lalat itu sebenarnya sudah lama berlaku di kawasan itu dipercayai sejak tahun 90-an tetapi tidak ada penyelesaian sampai sekarang.

"Kehadiran lalat kadang-kadang ikut musim, ada kalanya terlalu banyak dan ada juga masa agak berkurangan tetapi yang pasti sentiasa ada lalat.

sangkar ayam masuk ke dalam kawasan ladang sawit berhampiran pada waktu siang.

Sehubungan itu, Nor Raime meminta pihak berkuasa menjalankan siasatan sama ada ternakan ayam itu diusahakan secara berdaftar atau sebaliknya serta sama ada ia dijalankan secara teratur.

"Mungkin orang lain sudah biasa dengan keadaan ini, tetapi, bagi saya yang baru tinggal di sini, merasakan ia luar biasa, terpaksa makan, minum, mandi, solat dan tidur ditemani lalat.

"Pasang kipas dengan kelajuan maksimum pun tidak mampu menghalau lalat, cuma ia berkurangan apabila waktu malam jika lampu dirutup, kalau pasang lampu ia tetap datang," katanya.

Sementara itu, Pegawai Daerah Manjung, Zulhisbham Ahmad Shukori berkata, beliau mengambil maklum masalah dialami penduduk di situ dan akan menyemak dengan Jabatan Veterinar untuk tindakan lanjut.

"Semakan akan dibuat untuk mengenal pasti ternakan ayam yang dikatakan itu dan statusnya kerana lesen ternakan ayam dikeluarkan oleh Jabatan Veterinar," katanya.



SAHARUDDIN ABDUL MANAF (kiri) dan Nor Raime Nor Rashid menunjukkan lalat yang terperangkap pada pelekat di Lekir, Lumut semalam.

"Memang rasa tidak selesa terutama jika mahu buat kenduri kendaraan dan jika tetamu hendak datang juga, biasanya saya cadangkan mereka datang waktu malam kerana bilangan lalat agak kurang waktu itu.

"Tetapi, waktu malam pula bila ada angin bertiup dari arah tertentu, terhidu bau kurang menyenangkan seperti bau

dedak ayam," katanya ketika ditemui semalam.

Berikutan masalah itu, Saharuddin terpaksa memasangi jaring di tingkap dan ruang terbuka rumahnya.

"Namun, apabila dia keluar rumah pasti ada antara lima hingga 10 ekor lalat menghungrung dan hinggap pada badan seolah-olah menjadi strategi

haiwan itu untuk masuk ke dalam rumah," katanya.

Seorang lagi penduduk, Nor Raime Nor Rashid, 43, percaya masalah itu berpunca daripada ternakan ayam dalam ladang kelapa sawit yang terletak tidak jauh dari kampung tersebut.

Dia yang baru berpindah ke kampung itu berkata sering melihat lori yang membawa

Bantuan tunai, lanjutan moratorium antara yang ditunggu rakyat Malaysia

Belanjawan 2021 paling dinantikan



Oleh IKHWAN IIBERS

KUALA LUMPUR – Belanjawan 2021 yang akan dibentangkan di Dewan Rakyat hari ini membawa bersama segunung harapan 32.7 juta rakyat yang ingin melihat bagaimana kerajaan dapat membantu meringankan beban kehidupan mereka sejak penularan pandemik Covid-19.

Paling dinantikan tentunya bantuan jangka pendek pemberian wang tunai kepada kumpulan terjejas seperti golongan berpendapatan rendah, pekerja perkhidmatan e-hailing dan peniaga kecil serta mereka yang kehilangan pekerjaan.

Golongan berpendapatan rendah biasanya merujuk kepada kumpulan isi rumah B40 yang rata-rata mewakili ibu tunggal, petani dan nelayan, pemandu teksi, peniaga jalanan, pemandu e-hailing, operator kilang dan



yang baik golongan B40, perusahaan kecil dan sederhana (PKS) mahupun M40 ialah supaya kerajaan melanjutkan moratorium bayaran balik pinjaman bank.

Jelasnya, ia penting bagi membantu meringankan beban kewangan, memulihkan semula ekonomi atau memperkasakan kembali institusi keluarga dalam saat-saat sukar sekarang.

"Ia wajar diberikan sekurang-kurangnya sehingga Jun 2021," katanya.

Bagi Pensyarah Kanan Putra Business School, Universiti Putra Malaysia, Dr. Ahmed Razman Abubil Latiff, daripada empat tema Belanjawan 2021 iaitu Memperkukuh Kesejahteraan Rakyat, Memacu Pertumbuhan Ekonomi, Mengupaya Kehidupan Lestari dan Memperkasa Penyampaian Awam, dua fokus pertama amat penting.

"Saya menjangkakan inisiatif yang telah dilaksanakan dalam pelan Pakel Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (Prihatin) dan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (Perjana) akan diteruskan pada Bajet 2021.

"Ini termasuk Bantuan Sara Hidup, subsidi upah, geran dan pinjaman kepada PKS serta peruntukan untuk pembangunan modal insan," katanya.

NELAYAN laut dalam, Mamat Muda, 69, dari Chendering, Terengganu antara individu yang mengharapkan sesuatu daripada kerajaan pada pembentangan Belanjawan 2021 hari ini. – PUOTRA HARRY

pekerja, bawakan dalam sektor swasta.

Cadangan pengeluaran dari pada akaun 1 caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sehingga RM10,000 secara offline yang ditumbuhkan bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib

Tun Razak antara yang paling mendapat sokongan oleh rakyat.

Harapan ini makin melorjak apabila Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin sendiri dilihat seolah-olah melakukan pusingan 'U' daripada menyifatkan permintaan itu sebagai sukar pada

30 Oktober, kepada menyatakan kerajaan akan mengaji saranan berkenaan.

Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan Universiti Kewangan Islam Global (Inceif), Prof. Madya Dr. Baharom Abdul Hamid berkata, antara permintaan rak-

Animal Malaysia tawar RM2,000, buru pembunuh kucing

Tular

PETALING JAYA - Perbuatan kejam individu tidak bertanggungjawab membunuh tiga ekor kucing jalanan mengundang kemarahan netizen selepas gambar berkaitan kejadian itu tular di laman Facebook Persatuan Haiwan Malaysia (Animal Malaysia).

Kejadian yang dipercayai berlaku di Bandar Sri Damansara, di sini pada Ahad lalu itu membabitkan tiga ekor kucing jalanan yang dibunuh secara kejam dengan kesan tembakan pada badan haiwan terbabit.

Gambar berkaitan kejadian yang dimuat naik Animal Malaysia itu telah dikongsi lebih 600 pengguna dan lebih 350 komen telah ditinggalkan pada hantaran berkenaan.

Animal Malaysia dalam hantaran di Facebooknya berkata, susulan kejadian itu, pihaknya menawarkan ganjaran RM2,000 kepada mereka yang mempunyai maklumat berkaitan kejadian itu.

"Saksi yang berani tampil hubungi Animal Malaysia di talian 011-20901097 hingga ke peringkat laporan rasmi dan pelaku dapat dijejak bakal menerima sugu hati sebanyak RM2,000 sekiranya kes berjaya didakwa.

"Bantu Animal Malaysia dapatkan penjenayah haiwan dan maklumat peribadi diri pengadu dijamin rahsia hingga akhir hayat," katanya.

Tambah Animal Malaysia, kejadian tersebut adalah kes kedua tahun ini melibatkan tembakan mati oleh pembunuh haiwan selepas kes pertama



TIGA ekor kucing jalanan yang mati akibat ditembak oleh individu tidak bertanggungjawab di Bandar Sri Damansara, Petaling Jaya pada Ahad lalu.

di Kota Bharu, Kelantan pada September lalu.

Sementara itu, rata-rata netizen marah dengan tindakan individu yang telah menembak kucing terbabit selain mahu pihak berkuasa segera menangkap pelakunya.

Seorang netizen yang dikenali sebagai Siti Amir telah meninggalkan komen: "Ya Allah... kenapa kejam sangat wai manusia, semoga mendapat balasan yang setimpal dengan perbuatan kamu terhadap kucing-kucing ini.

Turut meninggalkan komen adalah Dayang Rohani Abang Rosli: "Semoga pembunuh kucing ini akan cepat ditangkap dan dijatuhkan hukuman yang setimpal."

Sungai Kelantan keruh jejas rezeki nelayan

Aktiviti buka tanah tak terkawal di hulu disyaki jadi punca

Oleh Ramli Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Kuala Krai: Sungai Kelantan di Kampung Kemubu dan Dabong, dekat sini yang keruh dan berselut menjejaskan hasil nelayan.

Tinjauan mendapati, berpuluh bot nelayan tersadai dan hanya segelintir mereka menjalankan aktiviti menangkap ikan.

Sungai Kelantan keruh dan berselut perayai kesan aktiviti pembukaan tanah di hulu sungai yang tidak terkawal.

Seorang penduduk, Semail Ahmad, 55, berkata, hasil tangkapannya sejak kebelakangan ini terjejas teruk.

Beliau mengakui sebelum ini pernah memperoleh lebih RM100 sehari, tetapi sekarang kurang RM50.

Katanya, ikan yang diperoleh daripada pukot juga hanya baung, spesies ikan lain terma-



Bot nelayan sungai tersadai di Kampung Kemubu, Dabong kerana air Sungai Kelantan keruh dan berselut menjejaskan hasil tangkapan nelayan.

suk lapang dan kerang terus berkurangan.

“Aktiviti pembukaan tanah di hulu sungai menyebabkan hakisan bukit.

“Tanah hakisan ini mengeruhkan Sungai Kelantan yang bersambung ke Sungai Galas, Neng-giri dan Lebir,” katanya.

Seorang pemilik bot, Kamil Daud, 58, pula berkata, setiap pe-milik bot sejak kebelakangan ini

beralih kepada mengambil upah membawa getah.

Katanya, penoreh di sepanjang sungai itu memerlukan bot untuk menghantar getah kepada pembeli.

“Nasib baik juga ada penoreh menyewa bot, jika tidak mungkin bot kami tersadai kerana aktiviti menangkap ikan berkurangan,” katanya.

Beliau berkata, air sungai ke-

ruh dan berselut itu berlaku sejak 10 tahun lalu dan tidak mungkin kembali jernih seperti sebelum ini.

“Dulu boleh dikatakan, sepanjang sungai dipenuhi bot yang turun petang dan balik pagi membawa banyak hasil tangkapan.

“Namun, kini tidak berbaloi berada di sungai semalaman kerana hasilnya sedikit,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/11/2020	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	4

Salurkan terus benih pada pesawah'

ARAU: Para pesawah berharap kerajaan dapat menyalurkan subsidi benih padi terus kepada mereka bagi mengelakkan masalah ketiadaan benih padi yang berlarutan saban tahun itu dapat diselesaikan.

Para pesawah sudah 'bosan' dan 'penat' disebabkan masalah tersebut kerana mereka terpaksa mengalami kerugian sehingga 50 peratus setiap musim.

Seorang pesawah dari Guar Sanji, Saifullah Abi Jamrah, 35, berkata, apabila subsidi benih itu diberikan kepada para pesawah sekali gus membolehkan mereka membuat pilihan sendiri dalam mendapatkan benih lebih berkualiti.

Sebelum ini katanya, mereka terpaksa mendapatkan benih padi di kilang-kilang yang kurang berkualiti selain masalah ketiadaan benih tersebut yang sekali gus mengganggu proses tanaman para pesawah.

"Kami juga berharap Belanjawan 2021 akan memberi lebih tumpuan kepada nasib para petani yang turut terkesan berikutan Covid-19. Kami juga berharap subsidi seperti racun dan penyelenggaraan tanah dapat ditingkatkan," katanya kepada *Utusan Malaysia* semalam.

Seorang lagi pesawah, Mohd. Syafik Abdul Hanan, 28, pula berkata, kerajaan diminta menambah kuota racun dan baja kepada para pesawah mengikut keluasan tanaman.

"Subsidi racun dan baja perlu dipertingkatkan bagi menjamin hasil yang lebih berkualiti dan meringankan beban para pesawah," kata pesawah dari Belat Batu itu.

Dalam pada itu, Fauzi Mustapa, 37, berkata, para pesawah teruja menanti agar ada berita gembira untuk para pesawah menjelang pembentangan Belanjawan 2021 esok.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/11/2020	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	5

Kembalikan semula subsidi enjin, lesen untuk nelayan

Oleh ROSALINDA MD.SAID
rosalinda.said@mediamula.com.my

KUALA TERENGGANU: Kalangan nelayan Terengganu berharap kerajaan dapat melaksanakan semula program subsidi enjin yang pernah diperkenalkan pada 1985 dalam usaha memajukan lagi industri perikanan di negara ini.

Pengerusi Persatuan Nelayan Terengganu (Penentu), Mat Yassim Mohamed berkata, inisiatif julung kali 35 tahun lalu itu terbukti berkesan hingga kini apabila rata-rata nelayan mampu meneruskan kelangsungan hidup menerusi enjin percuma yang diberikan kerajaan.

Katanya, sudah tiba masanya kerajaan mengembalikan semula program itu sama ada bagi pemberian subsidi enjin dalam atau enjin sangkut.

“Keberkesanan program itu cukup besar, daripada tidak mampu membeli bot akhirnya nelayan boleh memiliki bot dan keluar mencari rezeki, bahkan dapat menampung kehidupan keluarga serta membesarkan anak-anak sehingga dewasa.

“Jadi kami berharap dalam Belanjawan 2021 kerajaan dapat memberi perhatian tentang pemberian subsidi enjin ini dan apabila ada subsidi automatik perlu diberikan sekali lesen sampan bagi membolehkan



NELAYAN turut terjejas akibat pandemik Covid-19 dan mengharapkan bantuan kerajaan.

nelayan membeli insurans di samping mendapatkan subsidi petrol,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Menurut Mat Yassim, langkah itu penting kerana ada dalam kalangan nelayan yang masih tidak mampu untuk membeli enjin berikutan skim pinjaman sedia ada melalui Agrobank melibatkan cagaran.

Sementara itu, seorang nelayan separuh masa, Mohd. Shukri Abd. Rahman, 34, berka-

ta, selain subsidi enjin, kerajaan turut diminta menyediakan skim pinjaman khas bagi pembelian enjin berkuasa besar.

Katanya, skim sedia ada terhad buat enjin bot kecil sekali gus menyebabkan mereka terpaksa membuat pembiayaan peribadi untuk mendapatkan peralatan utama itu.

“Ketika ini kami cuma bergantung kepada pinjaman peribadi dengan Bank Rakyat untuk membeli enjin bot

berkuasa besar yang nilainya kira-kira RM50,000.

“Dengan adanya skim pinjaman untuk membeli enjin di samping subsidi, nelayan dapat memiliki enjin berkuasa besar sekali gus membolehkan kami bergerak lebih jauh dan meraih lebih banyak hasil tangkapan kerana mempunyai kelengkapan bot yang bersesuaian untuk menangkap ikan walaupun dalam keadaan tidak menentu,” katanya.